

Penggunaan Rutin Berfikir 3-2-1 Bina Titian dan Fikir-Tulis dalam Pembelajaran Interaksi Lisan

Norlinda Saadon

norlinda_saadon@moe.edu.sg

Rozana Mohamad Said


rozana_mohamad_said@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Junyuan

Abstrak

Rutin berfikir merupakan alat kemahiran berfikir dalam pengajaran yang dipraktikkan di Sekolah Rendah Junyuan sejak 2015. Kajian ini bertujuan menilai keberkesanan penggunaan rutin berfikir dalam membantu murid menjana dan mengembangkan respons bagi soalan-soalan rangsangan dalam bahagian perbualan untuk interaksi lisan. Rutin berfikir 3-2-1 Bina Titian dan Fikir-Tulis telah diterapkan dalam kajian ini. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa murid dapat menggunakan rutin-rutin berfikir ini bagi peperiksaan lisan dengan lebih berkesan dan rutin-rutin tersebut membantu mereka berfikir dengan lebih mudah. Terdapat peningkatan markah yang signifikan setelah rutin berfikir diterapkan dalam pengajaran lisan.

Kata Kunci: rutin berfikir, interaksi lisan, kritis, kemahiran berfikir dan bertutur



PENGENALAN


Kemahiran abad ke-21, menuntut pelajar mampu berfikir secara kritikal dan berupaya berkomunikasi dengan berkesan. Guru perlu memperkasakan diri agar pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dalam abad ke-21 menarik, efektif, dapat melibatkan murid secara aktif dan menimbulkan sifat ingin tahu dalam kalangan murid.

Sejak 2015, Unit Bahasa Melayu Sekolah Rendah Junyuan telah mengaplikasikan rutin berfikir bagi Menjadikan Pemikiran Jelas (*Making Thinking Visible*) dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di bilik darjah. Rutin berfikir ialah alat pengajaran dan pembelajaran yang menekankan kemahiran berfikir dan mendokumentasikan hasil pemikiran. Rutin-rutin berfikir yang digunakan dapat mengembangkan kognitif pelajar kerana rutin berfikir membantu pelajar menyusun idea (Salmon, 2010). Antara rutin-rutin berfikir yang lazim digunakan ialah Lihat-Fikir-Tanya (*See-Think-Wonder*), Apa yang Menyebabkan Awak Berkata Begitu (*What Makes You Say That*), Melangkah ke Dalam (*Step Inside*), 3-2-1 Bina Titian (*3-2-1 Bridge*), Fikir-Tulis (*Chalk Talk*), Fikir-Berpasangan-Berkongsi (*Think-Pair-Share*) dan Sudut Pandangan (*Circle of Viewpoints*).

PERNYATAAN MASALAH

Sejak perubahan pada format peperiksaan lisan bagi pelajaran Bahasa Melayu mula diperkenalkan pada tahun 2015, guru-guru telah cuba menggunakan pelbagai strategi bagi membantu murid untuk berinteraksi dengan baik semasa peperiksaan lisan. Namun, hasil keputusan peperiksaan lisan SA1 pada tahun 2016 menunjukkan bahawa murid masih tidak dapat memberikan respons yang sesuai dan mengembangkan idea mereka dengan baik. Malah, keputusan yang diraih juga kurang memuaskan.

Justeru, permasalahan ini telah mendorong guru-guru untuk menerapkan rutin-rutin berfikir 3-2-1 Bina Titian dan Fikir-Tulis dalam pengajaran lisan. Rutin-rutin berfikir ini diharapkan dapat meningkatkan keupayaan murid untuk menjana kosa kata dan berfikir dengan lebih kritis tentang video dan soalan-soalan yang berkaitan dengan tema video serta membantu murid menghasilkan respons yang sesuai dan padat tatkala menjawab soalan-soalan rangsangan. Penerapan rutin-rutin berfikir ini juga dipercayai dapat menggalakkan budaya berfikir dalam kalangan murid. Hal ini amat penting disebabkan peruntukan markah yang tinggi



bagi peperiksaan lisan.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. meningkatkan keupayaan murid menjana dan mengembangkan idea bagi peperiksaan E-lisan;
2. menggalakkan pemikiran yang lebih kritis dalam kalangan murid ketika memberikan respons berdasarkan klip video yang ditonton; dan
3. menilai keberkesanan penggunaan rutin berfikir 3-2-1 Bina Titian dan Fikir-Tulis bagi meningkatkan kemahiran murid menjana idea.


KAJIAN LEPAS

Menurut Ritchhart et al. (2011), rutin berfikir dibentuk bagi merangsang kebolehan, sikap terhadap pembelajaran dan kecerdasan. Rangsangan yang diperoleh melalui penggunaan rutin berfikir ini akan meningkatkan kebolehan pembelajaran, memperbaiki sikap terhadap pembelajaran dan membina kecerdasan untuk berfikir.

Tishman dan Palmer (2006) menyatakan bahawa rutin berfikir mempunyai sasaran dua hala. Pertama, rutin berfikir dapat menanam ketrampilan berfikir melalui pelibatan pelajar dan mempertingkatkan penyertaan pelajar. Kedua, rutin berfikir dapat membantu pelajar mendalami kandungan pembelajaran dan meningkatkan pemahaman mereka. Rutin berfikir juga dapat membentuk pelajar menjadi seseorang yang berfikiran terbuka dan kritis serta mempunyai sikap ingin tahu.

Angela K. Salmon (2008) menegaskan bahawa rutin berfikir merupakan alat pembelajaran yang amat berkesan bagi membantu guru memahami proses pemikiran pelajar. Beliau juga menyatakan rutin berfikir membantu menjadikan pemikiran lebih jelas.

Ron Ritchhart (2015) pula menggalakkan para pendidik menggunakan rutin berfikir bagi melihat proses pemikiran murid dan mengetahui pengetahuan sedia ada mereka. Dengan demikian, mereka dapat mewujudkan situasi yang membolehkan murid mengambil bahagian dan berinteraksi dengan kawan-kawan.



Perkongsian ini memberi murid peluang untuk bekerjasama secara berpasangan atau berkumpulan. Hal ini dapat membina budaya berfikir yang membolehkan para murid membuat refleksi berdasarkan perspektif yang diperoleh daripada rakan sedarjah mereka.


Dapatan kajian Ron Ritchhart dan David Perkins (2005) dalam Projek *Zero* telah menunjukkan keberkesanan penggunaan rutin berfikir dalam menggalakkan murid melibatkan diri secara aktif dalam kelas. Guru-guru yang terlibat dalam Projek *Zero* mampu meneroka pemikiran murid berdasarkan pemantauan dalam kelas, perbincangan guru, hasil-hasil kerja murid serta pelibatan mereka semasa rutin berfikir dijalankan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Dengan demikian, guru dapat memahami pemikiran murid dan merancang pengajaran yang bermakna serta berkesan untuk muridnya.

KAEDAH KAJIAN

Penerapan rutin berfikir 3-2-1 Bina Titian dan Fikir-Tulis dalam kajian ini merupakan rutin-rutin berfikir yang telah dikemukakan oleh kumpulan akademik tersohor, iaitu Ron Ritchhart, Mark Church dan Karin Morrison. Pengkaji-pengkaji tersebut telah mengelompokkan rutin-rutin berfikir ini sebagai rutin bagi mengenalkan dan meneroka idea. Justeru, penggunaan rutin-rutin ini dalam pembelajaran lisan amat bertepatan memandangkan salah satu tujuan kajian ialah menggalakkan pemikiran yang lebih kritis dalam kalangan murid di samping menjana idea atau respons berdasarkan klip video yang ditonton.

Selain itu, kaedah pengajaran menggunakan strategi Pe.S.T.A yang berlandaskan domain kognitif Taksonomi Bloom, turut diaplikasikan dalam kajian ini. Kaedah pengajaran ini melibatkan murid untuk menyumbangkan pendapat, saranan, dan memikirkan tema yang berkaitan dengan klip video yang ditonton. Penyerapan ICT dalam bentuk Papan Interaktif (*Interactive White Board*) dan penilaian formatif seperti penilaian rakan sebaya dan lintasan galeri juga dilaksanakan dalam pembelajaran agar aktiviti-aktiviti yang dijalankan lebih menarik dan interaktif.

Kajian yang dijalankan berbentuk kuasi-eksperimental disebabkan pemilihan subjek kajian. Pensampelan responden tidak dilakukan secara rawak dan mempunyai ciri-ciri tertentu mengikut kehendak kajian yang dijalankan. Kajian ini turut menggunakan kaedah kajian kuantitatif dan kualitatif bagi tujuan



pengumpulan data.

Data kualitatif diperoleh melalui borang soal selidik berdasarkan skala lima-mata berjenis Likert dan maklum balas murid. Instrumen-instrumen ini digunakan untuk menggambarkan persepsi murid tentang keberkesanan penggunaan rutin berfikir 3-2-1 Bina Titian dan Fikir-Tulis dalam membantu mereka menjawab dan mengembangkan respons bagi soalan-soalan rangsangan yang diajukan dalam peperiksaan lisan.

Bagi data kuantitatif pula, keputusan praujian dan pascaujian murid digunakan sebagai kayu ukur untuk dibuat perbandingan dan dianalisis bagi menilai dan meneliti keberkesanan rutin-rutin berfikir yang diterapkan dalam pembelajaran sekaligus mengukur kebolehan murid menjawab soalan-soalan rangsangan dengan lebih tuntas.


Subjek Kajian

Seramai 91 orang murid Bahasa Melayu Standard telah terlibat dalam kajian ini. Subjek kajian merupakan murid Darjah 5 dan 6 dan merangkumi golongan murid yang mempunyai pelbagai tahap kecerdasan dan keupayaan, iaitu keupayaan melebihi aras kebolehan dan pada aras kebolehan. Rujuk Jadual 1. Tiga orang guru yang mengajar kelas-kelas tersebut telah mengaplikasikan rutin-rutin berfikir bagi meningkatkan keupayaan murid berfikir secara aktif, kreatif dan kritikal serta mewujudkan budaya berfikir dalam bilik darjah.

Jadual 1: Bilangan Pelajar yang Terlibat dalam Kajian

Darjah	Melebihi Aras Kebolehan	Pada Aras Kebolehan
Darjah 5	35 murid	-
Darjah 6	30 murid	26 murid

Pemilihan subjek bagi dua peringkat ini disebabkan keputusan peperiksaan lisan dalam Semester 1 yang tidak memberangsangkan dan juga bertujuan untuk mempersiapkan dan meningkatkan kemahiran murid dalam menghadapi peperiksaan lisan berdasarkan format baharu Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE) 2017.



Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang telah diterapkan ialah klip video, rutin berfikir 3-2-1 Bina Titian dan Fikir-Tulis. Markah murid dalam peperiksaan lisan Semester 1 dan 2 dikumpulkan bagi tujuan pengumpulan data. Borang soal selidik dan maklum balas murid turut digunakan untuk mendapatkan respons murid. Jenis soalan tertutup telah dipilih dalam pembinaan soalan bagi borang soal selidik untuk mendapatkan keseragaman jawapan responden dan lebih mudah untuk dianalisis.


Di samping itu, kelakonan murid mengembangkan idea dalam interaksi lisan turut diambil kira dan dinilai dari segi respons mereka semasa mereka mengikuti aktiviti pelajaran dengan menggunakan rutin berfikir. Ini dilakukan bagi menilai keberkesanan penggunaan rutin-rutin berfikir ini dalam pembelajaran lisan.

Prosedur Kajian

Sebelum kajian dijalankan, guru membuat penelitian terhadap respons murid bagi pelajaran lisan. Guru mendapati kebanyakan murid tidak mampu memberikan atau mengembangkan respons mereka dengan baik. Mereka sering menghadapi masalah untuk menjana idea dan kosa kata mereka yang terhad sehingga menjejaskan keupayaan mereka mengembangkan idea.


Berdasarkan keputusan peperiksaan lisan akhir tahun (2016), 91.1% murid Darjah 5 lulus peperiksaan tersebut dan hanya 48.9% murid berjaya memperoleh markah yang baik. Malah, jika dilihat pada komponen interaksi lisan, 85.6% murid lulus dalam komponen Respons Peribadi dan Pengembangan Idea manakala 84.4% murid lulus dalam bahagian Penggunaan Bahasa dan Kelancaran. Namun, kelulusan yang berkualiti hanya diraih oleh 50% murid yang berupaya memperoleh markah cemerlang bagi kedua-dua komponen.

Apabila diteliti permasalahan yang dihadapi, guru-guru mendapati murid-murid tidak dapat menjawab soalan dengan baik. Rujuk Jadual 2.



Jadual 2: Kelemahan Murid dalam Menjawab Soalan Rangsangan

Contoh Soalan Rangsangan	Tuntutan soalan	Kelemahan Murid
Soalan 1 Adakah kamu akan melakukan perkara yang kamu lihat dalam klip video tadi? Mengapa?	<ul style="list-style-type: none"> menerangkan atau menceritakan sesuatu berkaitan dengan video 	<ul style="list-style-type: none"> murid pada aras kebolehan dan lemah tidak memahami soalan kebanyakan murid hanya akan memberikan respons ya atau tidak memberikan 1 sebab berkaitan respons awal tidak mengembangkan respons dengan memberikan pendapat/ akibat daripada memilih sesuatu perbuatan
Soalan 2 Terangkan cara-cara lain yang boleh kamu lakukan untuk menghulurkan bantuan.	<ul style="list-style-type: none"> memberikan respons peribadi tentang isu yang berkaitan dengan tema 	<ul style="list-style-type: none"> kebanyakan murid akan menggunakan contoh daripada klip video untuk memberikan respons murid tidak memahami kehendak soalan, justeru kurang teliti dalam memberikan jawapan mampu memberikan satu atau dua cara dengan sedikit pengembangan tidak dapat kaitkan respons dengan pendapat peribadi
Soalan 3 Bagaimanakah pihak sekolah dapat memupuk sikap saling membantu dalam kalangan murid? Terangkan.	<ul style="list-style-type: none"> memberikan pendapat atau cadangan berserta sebab 	<ul style="list-style-type: none"> terdapat murid yang tidak memahami soalan kosa kata murid agak terhad boleh memberikan 1 – 2 saranan dengan sedikit pengembangan idea agak terhad/kurang meyakinkan tidak dapat mengembangkan respons dengan menerangkan kebaikan cadangan tersebut




Berdasarkan permasalahan yang dihadapi oleh murid, guru telah mengenal pasti kaedah pengajaran yang efektif dalam mengatasi kemahiran interaksi lisan murid. Setelah menghadiri Kursus Menjadikan Pemikiran Jelas yang dianjurkan oleh Pusat Bahasa Melayu Singapura, guru-guru berasa yakin akan kesesuaian penerapan rutin berfikir dalam pengajaran lisan. Guru-guru pun menjalankan kajian ini pada permulaan bulan Mac. Para guru telah melakukan sumbang saran pengaplikasian penggunaan rutin berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dan bersetuju untuk menerapkan rutin berfikir 3-2-1 Bina Titian dan Fikir-Tulis dalam pembelajaran lisan.

Markah peperiksaan lisan SA1 digunakan sebagai dapatan praujian. Langkah ini bertujuan untuk mengenal pasti dengan lebih terperinci tentang permasalahan yang dihadapi responden ketika menjawab soalan-soalan rangsangan bagi membantu guru-guru dalam membuat perancangan. Berikut ialah keputusan peperiksaan lisan pertengahan tahun SA1.

Jadual 3: Prestasi Responden dalam Peperiksaan Lisan Pertengahan Tahun (SA1)

Peringkat / Kadar Kelulusan	Darjah 5 (Melebihi Aras Kebolehan - HP)			Darjah 6 (Melebihi Aras Kebolehan - HP)			Darjah 6 (Pada Aras Kebolehan- MP)		
	Peratusan (%)	Kemahiran Interaksi Lisan		Peratusan (%)	Kemahiran Interaksi Lisan		Peratusan (%)	Kemahiran Interaksi Lisan	
		RP & PI	PB & K		RP & PI	PB & K		RP & PI	PB & K
Kelulusan Keseluruhan (%)	100%	91%	94%	100%	100%	100%	100%	88%	88%
Kelulusan Berkualiti (%)	63%	49%	34%	87%	70%	57%	42%	38%	31%

Lanjutan daripada penelitian itu, satu usaha intervensi telah dilakukan. Langkah intervensi ini dijalankan bagi setiap kumpulan kajian. Pengajaran pertama fokus kepada penggunaan rutin berfikir 3-2-1 Bina Titian dan Fikir-Tulis manakala pengajaran kedua pula memberikan kesempatan kepada murid untuk menerapkan rutin berfikir yang telah dipelajari dalam menjawab soalan-soalan



rangsangan yang diajukan.

Pengajaran Pertama

Guru memulakan pengajaran dengan menerangkan matlamat pembelajaran dan kriteria kejayaan kepada murid. Guru mengimbas kembali strategi Pe.S.T.A yang telah didedahkan dalam pembelajaran awal. Tujuan strategi ini disertakan dalam pengajaran supaya murid dapat mengaitkan maklumat seperti pendapat, sebab, saranan dan akibat ketika mencatatkan respons mereka dalam perbincangan kumpulan. Setelah itu, murid memadankan respons yang diberikan dengan tajuk strategi Pe.S.T.A yang sesuai menggunakan Papan Interaktif (IWB). Pengajaran diteruskan dengan aktiviti-aktiviti rutin berfikir yang dilaksanakan secara sendiri dan berkumpulan.


Rutin Berfikir 3-2-1 Bina Titian

Rutin Berfikir 3-2-1 Bina Titian diaplikasikan setelah murid selesai menonton klip video ringkas yang bertemakan tentang persekitaran yang bersih. Rutin ini dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu sebelum dan selepas perbincangan. Secara sendiri, murid dikehendaki mengisikan bahagian pertama templat 3-2-1 Bina Titian sebaik sahaja selesai menonton klip video. Beberapa perubahan telah dilakukan pada soalan-soalan yang dibina dalam templat rutin berfikir ini agar berkait rapat dengan soalan-soalan rangsangan lisan. Berikut ialah soalan-soalan yang diajukan dan templat rutin berfikir yang digunakan dalam pembelajaran.

Rajah 1: Templat Rutin Berfikir 3-2-1 Bina Titian

3 perbuatan yang kamu lihat dalam video.	3 perbuatan yang kamu lihat dalam video.
2 pengalaman kamu menjaga persekitaran.	2 pengalaman kamu menjaga persekitaran.
1 saranan bagaimana kamu menjaga kebersihan kawasan sekolah.	1 saranan bagaimana kamu menjaga kebersihan kawasan sekolah.

Terangkan apakah tema utama klip video yang kamu tonton?




Rutin Berfikir Fikir-Tulis

Rutin berfikir Fikir-Tulis pula digunakan dalam aktiviti berkumpulan. Setiap murid dikehendaki mencatatkan respons mereka berdasarkan soalan-soalan yang diajukan dengan menggunakan pena berwarna yang berbeza. Setiap murid tidak dibenarkan berbicara atau berbincang ketika menjalani aktiviti berkumpulan ini. Murid berpeluang mengaplikasikan rutin ini sebanyak lima kali ketika memberikan respons mereka. Soalan-soalan yang diajukan juga berkait rapat dengan soalan-soalan rangsangan lisan. Berikut ialah contoh soalan yang diajukan bagi setiap pusingan.

- Pusingan 1: Menerangkan satu perbuatan yang menarik perhatian kamu dalam klip video tadi.
- Pusingan 2: Membaca respons rakan-rakan dan berikan komen kamu mengenai respons tersebut.
- Pusingan 3: Mencatatkan pengalaman kamu menjaga kebersihan di persekitaran kamu.
- Pusingan 4: Menyatakan satu pendapat/saranan bagaimana kamu menjaga kebersihan di estet perumahan kamu.
- Pusingan 5: Menandakan pada respons rakan kamu jika kamu bersetuju atau tidak dengan pendapat mereka dengan menggunakan pelekat.


Rutin berfikir Fikir-Tulis memberikan peluang kepada murid berinteraksi dengan rakan-rakan mereka melalui kaedah bertukar-tukar idea atau pandangan dan bertanyakan soalan secara bertulis. Melalui rutin ini, setiap murid berpeluang untuk memberikan idea atau respons mereka selain menambahkan kosa kata bagi mengembangkan respons sedia ada mereka. Berikut ialah templat rutin berfikir Fikir-Tulis.

Penilaian rakan sebaya turut disertakan dalam aktiviti berkumpulan bagi membolehkan murid memperbaiki mutu respons mereka. Sebagai langkah pengajaran yang terakhir, setiap murid melakukan aktiviti lintas galeri. Dengan menggunakan log pembelajaran yang disediakan, murid mencatatkan idea,



pandangan atau respons baharu yang dipelajari daripada maklumat yang mereka teliti.


Rajah 2: Templat Rutin Berfikir Fikir-Tulis



Pengajaran Kedua

Dalam pengajaran kedua, guru memberikan tumpuan kepada rutin-rutin berfikir yang telah dipelajari. Sebagai aktiviti imbas kembali, setiap murid diberikan masa untuk meneliti semula respons yang telah dicatatkan rutin berfikir dan log pembelajaran. Setiap murid kemudiannya diajukan tiga soalan rangsangan lisan dan diberikan masa selama tiga minit untuk memikirkan respons mereka dan mencatatkannya di lembaran kerja yang disediakan. Mereka perlu menerapkan rutin-rutin berfikir yang telah dipelajari ketika menyiapkan jawapan mereka. Soalan-soalan rangsangan lisan yang diajukan berkait rapat dengan isu atau topik yang dibincangkan dalam pembelajaran awal.

Memandangkan murid berada dalam peringkat sekolah rendah dan guru ingin membantu murid membina respons yang sistematik dan berstruktur, mereka dibenarkan untuk mencatatkan respons sebelum menyuarakannya secara lisan.



Dengan menggunakan rubrik penilaian lisan yang disediakan, murid memberikan komen atau pendapat mereka mengenai respons rakan mereka. Berdasarkan respons tersebut, setiap murid dikehendaki memberikan pandangan mereka tentang satu kekuatan dan satu perkara yang boleh rakan mereka perbaiki. Komen-komen yang diberikan akan diteliti dan murid kemudiannya akan menambah nilai respons mereka. Pengajaran diakhiri dengan murid membuat refleksi secara sendiri.


DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Setelah melaksanakan usaha intervensi ini, guru-guru mendapati terdapat peningkatan yang signifikan dan agak memberangsangkan dalam pascaujian secara keseluruhan. Berdasarkan pemerhatian dan penilaian guru, murid didapati berupaya menjawab soalan-soalan rangsangan lisan dengan lebih komprehensif selepas proses pengajaran dan pembelajaran menerapkan rutin-rutin berfikir. Respons-respons murid didapati lebih berfokus, terarah dan jitu di samping penggunaan kosa kata yang lebih meluas. Idea yang dikembangkan menunjukkan tahap pemikiran yang tinggi. Murid juga lebih yakin ketika menjawab soalan-soalan rangsangan lisan.

Murid yang terlibat dalam kajian ini turut memberikan maklum balas yang positif. Mereka berpendapat penerapan rutin-rutin berfikir dalam pembelajaran lisan sebagai satu kaedah pengajaran alternatif yang menarik dalam membantu mereka menjana idea dan mengembangkan respons mereka. Melalui proses pemikiran yang mendalam serta komen atau pandangan yang diberikan oleh rakan-rakan mereka, murid dapat memahami kelemahan respons mereka sekali gus membantu mereka untuk memperbaiki jawapan yang diutarakan.

Dapatan Kuantitatif

Dapatan kajian menunjukkan peningkatan bagi kesemua kumpulan kajian. Data yang dikumpul daripada praujian, iaitu peperiksaan lisan SA1 dan pascaujian peperiksaan lisan Prelim menunjukkan bahawa kadar kelulusan keseluruhan meningkat bagi pelajar P5 yang berada pada aras melebihi aras kebolehan manakala kadar kelulusan untuk pelajar P6 pada aras kebolehan kekal sama. Walaupun terdapat sedikit penurunan dalam kadar kelulusan untuk pelajar P6 yang melebihi aras kebolehan, namun hampir 95% subjek kajian berjaya lulus dalam pascaujian.





Berdasarkan pencapaian yang berkualiti, dapatan kajian menunjukkan pelajar P5 yang melebihi aras kebolehan meraih 48.6% , pelajar P6 yang melebihi aras kebolehan meraih 83.3% dan 46.2% pelajar P6 yang berada pada aras kebolehan telah mencapai markah yang lebih baik dalam pascaujian berbanding markah praujian. Rajah 2 pula menunjukkan peratusan kelulusan keseluruhan dan berkualiti bagi ketiga-tiga peringkat kumpulan kajian. Rujuk Rajah 1 dibawah ini.

Dapatan Kualitatif

Borang soal selidik yang dianalisis jelas membuktikan bahawa hampir 90% subjek kajian mengakui keberkesanan penggunaan rutin berfikir 3-2-1 Bina Titian dan Fikir-Tulis dalam pembelajaran lisan. Jika dirujuk pada contohan tinjauan yang dijalankan, sebilangan besar murid memberikan maklum balas sangat setuju dan setuju bagi setiap item. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa murid berasa yakin menggunakan rutin-rutin ini bagi membantu mereka menghasilkan jawapan yang berkualiti.

Rajah 2: Kelulusan Keseluruhan dan Kualiti untuk Setiap Kumpulan Kajian




Jadual 4: Respons Murid

No	Perkara	SS	S	TS	STS
A	Pengunaan strategi PeSTA dalam pembelajaran lisan				
1	Saya dapat memahami strategi PeSTA.	48.4	53.4	0	0
2	Saya dapat menggunakan strategi PeSTA dengan yakin untuk menjawab soalan rangsangan.	19.5	75	5.5	0
3	Strategi PeSTA membantu saya memberikan respons yang komprehensif.	33.9	60.7	5.4	0
B	Penggunaan rutin berfikir dalam pembelajaran lisan.				
4	Saya memahami rutin berfikir yang digunakan untuk pelajaran lisan				
a	3-2-1 Bina Titian	46.4	49.0	4.6	0
b	Fikir-Tulis	42.8	50.0	4.0	0
5	Rutin berfikir membantu saya memberikan respons yang komprehensif.				
a	3-2-1 Bina Titian	41.1	50	8.9	0
b	Fikir-Tulis	50.0	42.9	7.1	0
6	Rutin berfikir menggalakkan saya berfikir dengan lebih mendalam.	64.3	32.1	3.6	0

Maklum balas yang murid berikan juga amat positif. Mereka menyatakan bahawa rutin-rutin berfikir yang digunakan merangsang minat mereka dan menjadikan pembelajaran lisan lebih menarik dan menyeronokkan. Melalui rutin berfikir Fikir-Tulis, mereka dapat berkomunikasi dan berkongsi idea dengan rakan-rakan mereka. Murid berpendapat mereka terlibat secara aktif dalam pembelajaran tersebut. Selain memperoleh idea tambahan dan memperkasakan perbendaharaan kata mereka, murid memaklumkan bahawa rutin-rutin ini membantu mereka berfikir dengan lebih berstruktur dan membimbing mereka meneliti respons yang diberikan.

Peningkatan dalam pemikiran murid jelas kelihatan dalam hasil kerja yang disiapkan. Contohan yang pertama menunjukkan bagaimana murid bertukar-tukar idea dengan rakan-rakan sekumpulan. Murid juga berkesempatan



menilai respons rakan-rakan dengan memberikan komen atau mencatatkan perkara-perkara yang boleh diperbaiki. Malah, mereka akan meletakkan pelekat pada respons yang dipersetujui. Contohnya kedua pula memperlihatkan penambahbaikan dalam respons murid. Terdapat peluasan dan pengembangan idea serta pembaharuan kosa kata yang digunakan dalam respons yang dicatatkan setelah murid menjalani aktiviti perbincangan dengan rakan-rakan sekumpulan mereka.

Contoh respons murid bagi rutin berfikir Fikir-Tulis

Soalan 1: Terangkan satu perbuatan yang menarik perhatian kamu dalam klip video tadi.

1. Saya melihat ada sekumpulan murid yang mengutip sampah-sarap lalu memasukkannya ke dalam sebuah beg plastik hitam. Pada pendapat saya, perbuatan itu baik kerana tidak akan membahayakan kehidupan laut.
2. Ada sebuah keluarga yang telah mengumpul kertas-kertas, surat khabar dan gelas. Selepas itu, mereka mengasingkan semua barangan itu untuk dikitar semula.

Soalan 2: Baca respons rakan-rakan dan berikan komen kamu mengenai respons-respons tersebut.

1. Saya melihat ada sekumpulan murid yang mengutip sampah-sarap lalu memasukkannya ke dalam sebuah beg plastik hitam. Pada pendapat saya, perbuatan itu baik kerana tidak akan membahayakan kehidupan laut.
Respons rakan 1: Jika kawasan pantai tidak dibersihkan, hidupan laut akan mati.
Respons rakan 2: Apa lagi cara yang boleh dilakukan bagi menjaga kehidupan laut tidak terancam dengan sampah sarap?

Soalan 3: Catatkan pengalaman kamu menjaga kebersihan di kawasan persekitaran kamu.

1. Beberapa bulan yang lalu, estet perumahan saya telah menganjurkan sebuah aktiviti iaitu mengitar semula barang-barang penduduk yang



sudah digunakan. Keluarga saya pernah terlibat sama dalam aktiviti mengumpulkan surat khabar-surat khabar dan botol-botol plastik untuk dihantarkan ke tempat-tempat pengumpulan. Saya rasa aktiviti ini sesuatu yang amat bermanfaat kerana kita boleh menjaga kebersihan di tempat tinggal kita.


2. Semasa cuti sekolah bulan Jun, pihak sekolah telah mengadakan sebuah program yang menggalakkan murid-murid untuk mengutip sampah di Pantai Pasir Ris. Saya terlibat sama. Pada pendapat saya, program itu baik bagi menyedarkan kita untuk menjaga kebersihan awam.

Soalan 4: Nyatakan satu pendapat/saranan bagaimana kamu menjaga kebersihan di kawasan estet perumahan kamu.

1. Kita boleh menampal poster tentang kepentingan menjaga kebersihan di persekitaran kita. Perbuatan ini akan menimbulkan kesedaran dalam kalangan orang ramai dan mengelakkan mereka daripada membuang sampah sembarangan.
2. Saya boleh menyarankan kepada jawatankuasa penduduk agar mengadakan Hari Kitar Semula. Melalui aktiviti ini, kita dapat mengitar semula barangan di rumah. Dengan demikian, semua ahli keluarga dapat mengambil bahagian dalam aktiviti tersebut.

Rajah 4: Contoh Respons Murid bagi Rutin Berfikir 3-2-1Bina Titian

Sebelum Perbincangan	<p>3 perbuatan yang kamu lihat dalam video:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Sekumpulan murid sedang mengutip sampah. 2. Sebuah keluarga sedang mengumpul sampah. 3. Seorang budak mengumpulkan suratkhbar. 	Selepas Perbincangan	<p>3 perbuatan yang kamu lihat dalam video:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Beberapa orang murid mengutip sampah yang berlonggokan di pantai. 2. Seorang kakak dan adik lelakinya membuang sampah ke dalam tong kitar semula untuk mengitar semula botol-botol gelas yang digunakan keluarga mereka.
-----------------------------	---	-----------------------------	--



Sebelum Perbincangan		Selepas Perbincangan	3. Seorang budak lelaki telah memberikan suratkhbar yang telah dikumpulnya kepada seseorang lelaki tua.
	2 pengalaman kamu menjaga persekitaran: 1. Saya mengutip sampah di taman bersama rakan-rakan saya. 2. Saya mengutip sampah di kolong blok saya.		2 pengalaman kamu menjaga persekitaran: 1. Saya pernah membersihkan kolong blok dan juga Pantai Pasir Ris bersama keluarga saya pada hujung minggu. 2. Saya mengutip sampah di kolong blok yang penuh dengan sampah-sarap.
	1 saranan bagaimana kamu menjaga kebersihan kawasan sekolah: Saya boleh mengutip sampah di kantin sekolah.		1 saranan bagaimana kamu menjaga kebersihan kawasan sekolah: Kita boleh mengadakan sebuah kempen dan peraduan membersihkan kawasan sekolah.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian ini telah mencapai objektifnya dan membuktikan bahawa penerapan rutin berfikir 3-2-1 Bina Titian dan Fikir-Tulis sangat efektif dalam pengajaran dan pembelajaran lisan. Murid yang telah menjalani proses pembelajaran ini telah menunjukkan perubahan yang positif dari segi sikap serta pemikiran dan penaakulan kognitif mereka. Mereka didapati semakin yakin menggunakan bahasa Melayu ketika berkomunikasi, menyuarakan pendapat mereka tentang sesuatu topik dan memberikan respons yang komprehensif dan tuntas. Terdapat kepelbagaian dalam penjanaan kosa kata dan idea ketika murid menyampaikan pandangan atau saranan mereka. Rutin berfikir yang diterapkan dalam pembelajaran lisan membentuk seorang murid itu untuk menjadi lebih aktif dan bertanggungjawab dalam proses pembelajaran mereka di samping mempunyai pemikiran yang kritikal dan analitikal.

Bagi langkah yang seterusnya, kumpulan pengkaji sedang meneliti usaha untuk menerapkan rutin-rutin berfikir ini dalam pakej pembelajaran lisan yang



sedia ada. Melalui penerapan ini, murid akan lebih terdedah dan terbiasa dengan rutin-rutin berfikir tersebut. Selain itu, mereka juga dapat menggunakan rutin-rutin ini dengan lebih kerap bagi mengukuhkan keupayaan mereka menjana idea dan menghasilkan respons yang jitu untuk menjawab soalan-soalan rangsangan lisan. Daripada pengamatan kumpulan pengkaji, murid memerlukan masa dan pendedahan untuk memastikan rutin berfikir ini digunakan secara efektif. Apabila faktor-faktor ini diambil kira, barulah guru dapat memupuk budaya berfikir dalam kalangan murid sekali gus melahirkan generasi penuntut yang berkeyakinan, mempunyai arah sendiri dan bertanggungjawab terhadap pembelajaran serta berfikir secara kritis dan kreatif.

Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

1. Halimatussa'diah Jaffar

RUJUKAN

Ritchhart, R., Church, M. & Morrison, K. (2011). *Making thinking visible: How to promote engagement, understanding, and independence for all learners*. San Francisco: Jossey-Bass.

Hattie, J. (2008). *Visible learning for teachers: Maximizing Impact on Learning*. New York: Routledge.

Farrar Mohamed Ghazali dan Nur Azah Ismail (2014). *Menjadikan kemahiran berfikir jelas dan nyata melalui strategi rutin berfikir dalam pembelajaran Bahasa Melayu* dalam Prosiding Bahasa Melayu, Menyemai Bahasa, Menuai Budi hlm 255-269. Singapura: Pusat Bahasa Melayu Singapura.

Nurhiza Mohamed dan Nurul Hidana Ahmad (2017). *Penggunaan rutin berfikir dalam pengajaran golongan kata* dalam Prosiding Bahasa Melayu, Menyempurnakan Kata, Menyampaikan Makna hlm 483 - 493. Singapura: Pusat Bahasa Melayu Singapura.

Dajani, M. (2016). *Using Thinking routines as a pedagogy for teaching English as a second language in Palestine*. *Journal of Educational Research and Practice* Vol. 6, Issue 1, Pages 1-18

